



TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA:

**DATO' SITI RAHMAH KASSIM MENGENAI PERANAN DAN
SUMBANGAN BELIAU DALAM PERJUANGAN UNTUK MENCAPAI
KEMERDEKAAN DI TANAH MELAYU**

DISEDIAKAN OLEH:

MOHD HANAFFI BIN SUPAI

MUHAMMAD AMIRULLRAZIQ BIN ZAINAL

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS SEGAMAT, JOHOR

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

IMR604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN

SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T.

Alhamdulillah syukur kehadiran Illahi Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaanNya serta keizininannNya kami dapat menyempurnakan tugas yang diberikan. Kami juga bersyukur kerana diberikan kesihatan tubuh badan yang sihat bagi membuat tugas dengan jayanya.

Sudah pastinya tanpa dorongan dan tunjuk ajar kepada kami iaitu Pn. Azura Pensyarah Sejarah Lisan (IMR 604) Fakulti Pengurusan Maklumat kami tidak dapat menyempurnakan tugas ini. Kami mengucapkan sekalung terima kasih kerana memberikan informasi tentang cara-cara untuk menjalankan tugas sejarah lisan ini. Disamping itu juga, pelbagai kaedah dan panduan yang telah beliau curahkan kepada kami dlm membuat temubual dan transkrip ini.

Setinggi tinggi terima kasih kepada Dato' Siti Rahmah yanag mana kami telah memilih beliau sebagai individu untuk ditemuramah. Jasa dan kerjasama beliau amat kami hargai dan tidak dilupakan kerana dapat meluangkan masa dan berkongsi maklumat tentang sumbangan dan pengorbanan beliau tentang perjuangan mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu. Tanpa kerjasama dan perkongsian beliau pasti kami tidak dapat memperolehi maklumat dari beliau yang sangat berharga kepada rakyat Malaysia.

Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan yang turut memberikan idea dan pandangan serta pertolongan dalam menyiapkan tugas ini. Akhir sekali, tidak dilupakan juga kepada individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam tugas ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN

1.0	ABSTRAK	1
2.0	Pengenalan: Penjajahan Tanah Melayu	2
2.1	Pemerintahan British	2-4
2.2	Pemerintahan Jepun Tahun 1942-1945	4-5
2.3	Pentadbiran Malayan Union	6-7
3.0	Transkrip Temubual	8
3.1	Kaset 1 Bahagian A	8-17
3.2	Kaset 1 Bahagian B	18-29
3.3	Kaset 2 Bahagian A	29-39
3.4	Kaset 2 Bahagian B	39-46
4.0	Log Temubual	47-50
5.0	Biodata Tokoh	51-52
6.0	Senarai Soalan Temubual	53-56
7.0	Kronologi Temubual	57-58
8.0	Ralat	59
9.0	Bibliography	60
10.0	Lampiran	61-63
11.0	Indeks	65-69

1.0 ABSTRAK

Abstrak: Mohd Hanaffi bin Supai dan Muhammad Amirullraziz bin Zainal telah menemubual Dato' Siti Rahmah binti Kassim pada 16 Disember 2014. Temubual ini telah dibuat di pejabat beliau iaitu di No.73, Jalan Seri Rahang tiga 3, Taman Seri Rahang, 70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. Dato' Siti Rahmah telah dilahirkan pada tahun 1926 di kampung Batu Hampar, Rembau. Beliau berumur 88 tahun pada tahun ini. Beliau telah mendapatkan pendidikan di Madrasah Al-Huda. Bermula dari sekolah tersebut beliau mula mengenal erti perjuangan. Dari situ jugalah datangnya inspirasi yang dilahirkan oleh guru beliau untuk bangkit berjuang mendapatkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Sejak detik itu, beliau mula bergerak aktif bersama-sama rakyat lain memperjuangkan kemerdekaan. Pengorbanan beliau dalam menuntut kemerdekaan beliau sanggup menyerahkan harta pusaka pemberian ibu bapanya kepada rombongan Tunku Abd Rahman ke London untuk menuntut kemerdekaan. Lebih mengagumkan lagi, beliau juga adalah inspirasi kepada rakyat kerana disebabkan sumbangan gelang emas dan ucapan beliau di dewan Hang Tuah itulah rakyat tanpa berbelah bagi turut sama memberikan sumbangan wang ringgit dan harta milik peribadi untuk perbelanjaan rombongan Tunku Abd Rahman ke London. Disebabkan pengorbanan pemimpin-pemimpin dahulu, rakyat-rakyat dahulu dan juga Dato, Siti Rahmah, kita dapat merasai kemerdekaan dan keamanan sehingga sekarang.

Kata kunci: Pendidikan, Tanah Melayu, Perjuangan, Kemerdekaan, Gelang emas

2.0 PENGENALAN: PENJAJAHAN TANAH MELAYU

Kisah penjajah di Tanah Melayu mengambil masa yang agak lama dan penuh keperitan semasa orang-orang dahulu lalui. Berikut adalah serba sedikit maklumat berkenaan zaman penjajahan di Tanah Melayu.

2.1 PEMERINTAHAN BRITISH

Sebagaimana yang kita tahu akan sejarah pemerintahan dan penaklukan Negara kita iaitu zaman pemerintahan penjajah British di Tanah Melayu bermula selepas Perjanjian London pada tahun 1824. Hasil daripada perjanjian tersebut, British telah menyerahkan koloni atau tanah jajahannya di Indonesia kepada Belanda sementara Belanda juga telah menyerahkan tanah jajahannya iaitu negeri-negeri selat di Tanah Melayu kepada British. Di negeri-negeri Melayu lain, pada mulanya British tidak mengamalkan dasar campur tangan di Tanah Melayu melalui Akta Pitt tahun 1857. Walau bagaimanapun, pergaduhan dan perang saudara yang berlaku di kawasan yang melibatkan kepentingan ekonomi British, mereka mengubah dasar kepada campur tangan dalam hal ehwal negeri Melayu. Tambahan pula, Revolusi Perindustrian yang berkembang di Eropah memerlukan mereka mencari bahan mentah dan pasaran bagi hasil keluaran mereka.

Menerusi Perjanjian Pangkor 1874, campur tangan British bermula di Tanah Melayu melalui Sistem Residen. British telah menempatkan J.W.W. Birch sebagai Residen Perak yang pertama dan J.G. Davidson sebagai Residen Selangor pada tahun 1874. Martin Lister pula dilantik sebagai Residen di Negeri Sembilan pada tahun 1895, manakala J.P. Rodger ditempatkan sebagai Residen Pahang pada tahun 1888. Pada 1909, Perjanjian Bangkok telah dimeterai dan ia menyaksikan penyerahan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu iaitu Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu oleh kerajaan Siam kepada British. Kerajaan British telah melantik seorang Penasihat British di setiap negeri tersebut. Pada tahun 1914, negeri Melayu terakhir, Johor turut menyertai gabungan ini.